

Sudah 50 tahun tempuh masalah sama

LABUKUBONG – Sudah 50 tahun berdepan banjir, warga emas dari Parit 5/7L, Pengkalan Ara, di sini, memohori pihak bertanggungjawab mengatasi segera masalah berkenaan.

Rokiah Salleh, 87, berkata, kejadian banjir 22 November lalu antara yang terburuk pernah dihadapi selepas air memasuki rumahnya lebih setengah meter.

Menurutnya, parit di hadapan rumahnya tidak mengalir langsung. Apabila hujan, air akan penuh dan melimpah masuk ke kawasan halaman rumah dan dalam rumah.

“Selain itu, air dari tali air besar akan mengalir masuk ke dalam parit ini jika penuh dan hujan berterusan,” katanya ketika ditemui semasa majlis penyampaian sumbangan tabung bencana alam kepada mangsa banjir, Jumaat lalu.

Rokiah antara tujuh mangsa banjir yang dipindahkan ke Pusat Pemindahan Banjir Sekolah Kebangsaan Pengkalan Ara pada 22



Rokiah (dua, kiri) menerima wang tabung bencana alam daerah yang disampaikan Zainol Fadzi.

November lalu selepas air memasuki rumah mereka melebihi paras lutut.

Katanya, diharap masalah itu dapat diatasi segera supaya tidak kerap mengalami kerosakan harta benda.

Dalam nada sama, menantu Rokiah, Mohd Khairi Sharani, 58, meminta sebuah rumah bantuan yang mempunyai tiang serta dibina tinggi supaya air banjir tidak masuk ke da-

lam rumah mereka.

“Kebiasaannya apabila hujan, air dari parit hadapan akan melimpah dan memasuki rumah kami, tetapi hanya diparas buku lali sahaja.

“Namun, sejak beberapa tahun belakangan ini air mula naik lebih dari paras buku lali dan kejadian baru-baru ini adalah paling teruk kerana hampir kepada paras paha sehingga kami terpaksa dipindahkan,” katanya.

Tambahnya setiap kali banjir, air akan mengambil masa untuk surut selain mengalami kerosakan harta benda.

“Kerana itu, saya harap kerajaan membina sebuah rumah tinggi yang menggunakan tiang untuk setiap seorang daripada kami (mangsa banjir) di kawasan ini.

“Kawasan rumah kami adalah kawasan rendah, jadi membina rumah tinggi adalah penyelesaian terbaik untuk kami selamat dari banjir,” katanya.

Sementara itu, Adun Sungai

Manik, Datuk Zainol Fadzi Paharudin yang hadir menyampaikan sumbangan tersebut berkata, pihaknya akan mencari penyelesaian segera.

“Untuk permohonan rumah bantuan, mereka perlu mendaftar di bawah e-Kasih dan kemudian baru boleh memohon rumah PPRT atau Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan (YBUDR),” katanya.

Zainol Fadzi juga berkata, pihaknya sedang merancang untuk mendapatkan peruntukan bagi membina ban di parit hadapan rumah mangsa banjir tersebut.

“Ini kerana parit dan halaman rumah mereka berada pada paras sama, jadi bila air penuh ia akan terus melimpah masuk ke dalam rumah,” katanya.

Seramai tujuh mangsa banjir dari Kampung Parit 5/7L dan 3/7L Pengkalan Ara menerima wang tabung bencana alam daerah selepas kediaman mereka dinaiki air pada 22 November lalu.